

**SOALAN NO. :30**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Datuk Mohd Idris  
bin Jusi  
[ Batu Pahat ]**

**SOALAN:**

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [ Batu Pahat ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan langkah-langkah untuk mengatasi banjir kilat di Batu Pahat yang telah berlaku sejak 20 tahun dahulu dan menurut penduduk setempat semakin teruk dalam 10 tahun kebelakangan. Apakah bentuk bantuan yang ada dan akan disediakan kepada mangsa banjir kilat bagi menangani kerugian dan kesusahan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, banjir kilat berlaku adalah disebabkan sistem perparitan yang tidak cekap. Pengurusan sistem perparitan adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan selaras dengan Seksyen 50, Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Akta 133).

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) dari semasa ke semasa, bersedia membantu dari segi khidmat nasihat kepakaran berkaitan sistem saliran perbandaran apabila diperlukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau Kerajaan Negeri yang berkenaan. Khidmat nasihat tersebut adalah dalam bentuk penyediaan kajian pelan induk saliran bandar dan juga rekabentuk terperinci sistem saliran bandar.

Kementerian ini tidak memperuntukkan sebarang bantuan kepada mangsa banjir kerana ia adalah di luar bidang kuasa Kementerian ini.

Sekian, terima kasih.